

# Syarikat baru untuk teruskan projek E-Village dicari

UM - 7 SEP 2001

CYBERJAYA 6 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan meneruskan projek E-Village dengan memberikan tanggungjawab untuk membangunkannya kepada syarikat lain.

Menurut Perdana Menteri, ia dilakukan memandangkan syarikat asal iaitu Entertainment Village Sdn. Bhd. (EVSB) tidak mampu mendapatkan modal untuk menjayakan projek itu.

"Kita sedang mencari pihak lain yang berminat dengannya (E-Village) kerana pelaburan awal (oleh EVSB) tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan projek sebesar itu.

"Kerajaan tidak akan membatalkan E-Village tetapi kita memerlukan sedikit masa untuk membereskan beberapa perkara sebelum pihak lain mengambil alih," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas hari pertama Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia

(MSC) yang ke-5 di Cyberview Lodge di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan mengenai perkembangan e-Village yang terhenti berikutan kesukaran EVSB mendapatkan pembiayaan bagi projek itu.

Projek E-Village dilancarkan oleh Dr. Mahathir pada 8 September tahun lalu untuk menyediakan kandungan bagi aplikasi perdana dan hiburan.

## Kekuatan

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) pada awal bulan ini mengumumkan sedang mencari rakan kongsi dengan kekuatan kewangan yang sesuai untuk menggantikan EVSB yang tidak mampu meneruskan projek E-Village.

MDC pada asalnya telah memberikan pinjaman awal sebanyak RM27 juta kepada EVSB selepas syarikat itu gagal mendapatkan pembiayaan segera bagi melaksanakan e-Village.

Sehingga 31 Mac lalu, perbadanan itu dimaklumkan bahawa EVSB

masih gagal mendapatkan pembiayaan yang sepatutnya sebaliknya berhutang pula sebanyak RM52.4 juta dengan beberapa pemiutang lain.

MDC sekali lagi campur tangan dengan menyediakan pinjaman tambahan berjumlah RM14.7 juta pada 30 April dan 6 Ogos lalu kepada EVSB untuk menyelesaikan sebahagian hutang tersebut.

Pada April juga, MDC menawarkan hak pembangunan E-Village kepada sebuah lagi syarikat, Wawasan Pinggir Sdn. Bhd. dengan beberapa syarat tertentu antaranya perlu menyelesaikan semua hutang termasuk hutang EVSB kepada perbadanan tersebut.

Pada 30 Julai lalu, sebuah lagi syarikat telah ditawarkan untuk menggantikan Wawasan Pinggir untuk membangunkan cadangan konsep baru E-Village menjadi Eco-Media City.